

18 AUG 2003

Lim-Tanding/I

LIM KENG YAIK AKAN BERTANDING PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata beliau berhasrat untuk bertanding bagi kerusi Parlimen Beruas pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya beliau mempunyai input dan pengalaman untuk meneruskan kesinambungan kepada Barisan Nasional (BN) dan berjanji akan meninggalkan parti dan tidak lagi aktif dalam politik selepas "tempoh tertentu".

"Saya tidak kata yang saya tidak akan berundur, tetapi ini bukan masanya untuk menimbangkannya, walaupun saya pernah timbangkannya (mengenai berundur dari politik) empat tahun lepas. Tetapi oleh kerana banyak perkara berlaku, kita mahu lakukan sesuatu, kita perlu bertahan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata demikian ketika ditanya sama ada beliau akan berundur bagi memberi laluan kepada pemimpin muda untuk mengambil alih kepimpinan parti kerana sebelum ini beliau pernah berhasrat untuk bersara dari politik pada 1998 dan 2002.

Beliau menjelaskan pada 1998, beliau mahu bersara dari parti tetapi negara dilanda krisis ekonomi yang telah membuatkan beliau melupakan hasrat itu. Bagaimanapun, pada 2002, hasratnya untuk bersara ditolak jawatankuasa pusat parti.

"Pada 2002 semasa (Perdana Menteri) Dr Mahathir Mohamad mengumumkan persaraannya (pada 2003), (Saya perlu) teruskannya kerana sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab, kami perlu pastikan semuanya berjalan dengan lancar (tempoh peralihan), oleh itu bila tiba masanya untuk berundur, kami akan pergi," katanya.

Dr Lim berkata label "ahli politik paling lama berkhidmat" di kalangan komponen BN tidak akan menghalang beliau daripada bertanding pada pilihan raya umum akan datang kerana tiada had umur bagi ahli politik.

"Walaupun saya sudah "tua" dalam politik, daripada segi umur, saya masih muda. Saya hanya enam bulan lebih tua daripada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Dr Lim menjadi presiden Gerakan pada Ogos 1980, selepas jawatan itu kosong berikutan persaraan Tun Dr Lim Chong Eu. Beliau dipilih sebagai anggota Parlimen Beruas sejak 1986.

Ditanya sama ada timbalannya Datuk Kerk Choo Ting juga akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang, Lim berkata: "Oh ya. Tiada masalah langsung."

Mengenai hubungan MCA-Gerakan, Dr Lim berkata beliau tiada masalah daripada segi hubungan kerja dengan Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan timbalannya Datuk Chan Kong Choy.

"Saya tidak menanggung di air keruh, saya tidak mengambil kesempatan daripadanya," katanya dan menurut beliau MCA dan Gerakan tidak perlu mengamalkan "disiplin diri" bagi menjalin kerjasama ikhlas.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin parti perlu mengadakan perbincangan sekiranya wujud masalah di peringkat akar umbi kedua-dua parti.

"Kita memantaunya setiap masa. Saya beritahu pucuk pimpinan MCA, sekiranya terdapat sebarang masalah di peringkat akar umbi, maklumkan pada saya...jika tidak bagaimana mahu berjabat tangan sedangkan sebelah tangan lagi memegang pisau?" katanya.

Beliau berkata sebagai parti politik, kedua-dua belah pihak perlu ada persefahaman dan bekerjasama secara ikhlas.

"Anda tidak perlu menandatangani Memorandum Persefahaman untuk menjalin

kerjasama seumpama itu di antara parti-parti politik," katanya.

-- BERNAMA

AT AHH RHM